

**Istiadat Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah
Kebesaran, Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Malaysia Sempena
Ulangtahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan
Agong**

Istana Negara, Kuala Lumpur, 1 Jun 2002

Dengan hormat dan penuh takzimnya, pihak Kerajaan, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta rakyat keseluruhannya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku sempena ulangtahun Keputeraan Rasmi Tuanku pada hari ini. Rakyat sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu'wa Ta'ala semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayah-Nya ke atas Tuanku dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah dan semoga Tuanku berdua sentiasa berada di dalam kandungan sihat, bahagia dan penuh kedaulatan.

2. Hari Keputeraan Tuanku hari ini adalah amat istimewa kerana inilah sambutan Hari Keputeraan yang pertama bagi Tuanku sejak ditabalkan sebagai Yang Di Pertuan Agong. Belum pun habis rakyat meraikan hari pertabalan Tuanku sebagai Ketua Negara, seluruh negara sekali lagi bergembira kerana rakyat dapat menumpang sama menyambut pula Hari Keputeraan Tuanku dengan penuh meriah dan gilang gemilang.

3. Dua peristiwa yang bersejarah ini yang berlaku selang beberapa minggu sahaja bolehlah dianggap sebagai satu petanda baik kepada negara kerana kini negara sedang memasuki ambang pembangunan dan kemajuan baru dengan pesat. Tuanku sungguh bertuah kerana Tuanku menaiki takhta di ketika negara sedang pulih daripada kesan kelembapan ekonomi dunia yang melanda negara ini juga pada tahun lepas serta ekor peristiwa 11 September.

4. Sejak tahun ini iaitu empat bulan selepas kemusnahan bangunan World Trade Center di New York oleh pengganas, ekonomi negara mulai pulih dengan memberangsangkan. Antara sebab pemulihan itu ialah timbulnya semula keyakinan di kalangan pelabur asing terutamanya dari Amerika Syarikat untuk aktif dalam perniagaan antarabangsa khasnya di rantau sebelah sini setelah mendapati keselamatan dunia tidak begitu terancam lagi.

5. Amerika Syarikat yang merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar telah ditimpa kemelesetan ekonomi yang teruk, sudah mulai pulih dan mengimport semula barangan keluaran negara kita terutama barangan elektronik. Pelabur-pelabur asing juga turut menyumbang kepada pemulihan pesat ekonomi negara dengan terus membuat pelaburan secara langsung ke dalam negara sama ada untuk perusahaan baru ataupun memperbesarkan

operasi mereka. Demikian juga pelaburan dalam pasar saham. Taraf kredit Malaysia juga bertambah baik.

6. Ekonomi negara kembali berada di landasan yang sihat setelah Kerajaan melaksanakan pelbagai strategi untuk memulihkannya. Salah satu strategi penting yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah mempelbagaikan aktiviti ekonominya kerana penggantungan kepada satu bidang ekonomi atau satu pasaran sahaja boleh membahayakan negara jika berlaku kemeleketan di pasaran berkenaan. Di masa yang sama peruntukan khas untuk merangsangkan ekonomi telah diadakan.

7. Dengan itu Kerajaan telah mula memperluaskan aktiviti ekonominya dan membuka pasaran-pasaran baru untuk barangan eksport negara. Di samping rakan dagangan tradisi yang lain, Kerajaan sudah mula menerokai pasaran-pasaran baru seperti dengan negara Selatan-selatan di benua Afrika, Selatan Amerika dan negara Arab di Asia Barat.

8. Kini ekonomi negara sedang berkembang semula dan rakyat sendiri mula yakin dengan masa depan negara. Petunjuk kepada perkembangan baik ini dapat dilihat pada kenaikan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur dan kadar pertumbuhan ekonomi negara tahun ini yang dijangka akan mencecah lebih empat peratus, serta juga peningkatan pelaburan langsung asing.

9. Syukur Alhamdulillah, kejayaan negara dalam menangani tekanan ekonomi dari luar telah menyelamatkan rakyat daripada bencana. Memandangkan bahawa tidak banyak negara yang berjaya menyelamatkan ekonomi mereka, keyakinan negara dan rakyat akan kebolehan menghadapi krisis telah meningkat. Keyakinan ini juga telah mengurangkan kesan daripada tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh elemen tertentu dalam masyarakat yang mana tindakan seperti ini hanya akan merumitkan lagi usaha pemulihan keadaan dalam negara. Di masa yang sama kita dapat terus bebas daripada meminta-minta bantuan asing seperti dari Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Ini menyelamatkan kebebasan kita dalam pengurusan hal ehwal negara, baik hal dalaman atau hal luaran.

10. Kerajaan amat bersyukur kerana rakyat umumnya tidak berkelakuan seperti rakyat sesetengah negara lain. Rakyat kita begitu matang, sederhana dan membantu Kerajaan dalam menghadapi masalah yang melanda negara. Malah rakyat telah banyak berkorban untuk menjayakan strategi pemulihan ekonomi yang disusun oleh Kerajaan.

11. Anggota Kabinet serta pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yakin bahawa semasa Tuanku mengepalai negara, pertumbuhan dan kemajuan yang pesat akan dicapai.

12. Namun negara amat kecewa dengan kegiatan badan- badan bukan Kerajaan yang menerima bantuan dari negara asing supaya menghalang kesejahteraan rakyat negara ini. Percubaan untuk menghalang pembekalan air dan elektrik kerana kononnya akan merosakkan alam sekitar amat dikesali. Mereka ini harus ingat bahawa di negara asing yang memberi bantuan wang kepada mereka, persekitaran alam mereka sudah lama dimusnahkan supaya mereka mendapat bekalan air dan elektrik yang murah untuk pembangunan ekonomi mereka. Rakyat Malaysia yang sanggup diperalatkan oleh mereka ini sebenarnya menderhaka kepada negara dan rakyat. Sementara kita harus memelihara alam sekitar kita, kita tidak harus keterlaluan sehingga menghalang pertumbuhan ekonomi untuk kesejahteraan hidup rakyat. Kita belum lagi cukup maju untuk berlagak sebagai negara yang sudah kaya raya.

13. Yang juga mendukacitakan ialah adanya segelintir warganegara yang sanggup memburuk-burukkan negara sendiri kepada orang asing. Mereka memperolehi banyak nikmat di negara ini daripada pembangunan yang pesat yang telah diusahakan tetapi kesetiaan mereka tidak tertumpu kepada negara. Sebaliknya mereka lebih utamakan kepentingan diri dan puak mereka.

14. Tetapi, Alhamdulillah, majoriti terbesar rakyat amat setia kepada negara dan tidak timbul masalah. Mereka berusaha bersungguh-sungguh membantu pembangunan negara. Dan ini termasuklah penuntut di luar negara yang menunjuk kesetiaan mereka dengan berdiri tegak dan menyanyi lagu kebangsaan dan lagu-lagu patriotik dengan penuh semangat.

15. Tuanku, negara ini amat bertuah dan di bawah naungan Tuanku, negara akan terus aman dan maju, Insyaallah. Segala cabaran termasuk globalisasi, pembukaan sempadan, kedatangan ICT termasuk pengaruh Internet dan K-ekonomi akan ditangani oleh rakyat dan Kerajaan dengan penuh semangat dan keyakinan akan kemampuan diri.

16. Kerajaan percaya tidak berapa lama lagi majoriti rakyat akan celik komputer dan berkebolehan mengendalikan ICT iaitu menggunakan maklumat untuk meningkatkan kemampuan, kemahiran, kecekapan, mutu kerja dan produktiviti, menambah ilmu, merapat hubungan dengan orang lain dan meningkatkan ekonomi serta mempercepat pembangunan negara. Kerajaan yakin dengan persediaan sedemikian negara kita tidak akan ketinggalan dalam arus kemodenan dan keterbukaan dunia.

17. Sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Tuanku, Ahli-ahli Jemaah Menteri dan semua anggota Kerajaan ingin memberi jaminan sekali lagi bahawa segala kerjasama dan sokongan akan diberi kepada Tuanku dalam menjalankan tugas sebagai Seri

Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan kepada Raja Permaisuri Agong selaras dengan prinsip-prinsip dan keperluan Sistem Raja Berperlembagaan.

18. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, Kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam serta rakyat keseluruhannya dengan penuh hormat dan takzimnya mengucapkan Selamat Hari Keputeraan kepada Tuanku dan menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.